

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	02/09/2017

● Najib solat Aidiladha di Langkawi ● Ahmad Zahid bantu laksana ibadah korban

PM, TPM bersama rakyat

um - 2/9/2017 13.3

Oleh **FADZIL ZAINOL**
pengarang@utusan.com.my

■ KUALA LUMPUR 1 SEPT.

PERDANA Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak hari ini menunaikan solat sunat Hari Raya Aidiladha bersama umat Islam di Masjid As Sofiah Keda Wang Tok Rendong, Kuah, Pulau Langkawi.

Perkara itu dikongsi Najib melalui akaun Twitter beliau.

“Baru selesai sembahyang Hari Raya Aidiladha bersama Ahli Parlimen Langkawi (Datuk Ir. Nawawi Ahmad) dan masyarakat setempat di Masjid As Sofiah Keda Wang Tok Rendong,” katanya dalam laman sosial tersebut.

Dalam gambar yang disertakan, beliau sempat meluangkan masa menikmati hidangan hari raya ser-

ta berswafoto bersama beberapa jemaah.

Perdana Menteri kemudiannya menunaikan solat Jumaat di Masjid Riyadzus Solihin, seterusnya melawat Maahad Tahfiz An-Nabawi di pulau sama.

Sementara itu, Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi menunaikan solat sunat Hari Raya Aidiladha di

kawasan Parlimennya, Bagan Datuk, Perak.

Lebih istimewa, menerusi gambar yang dimuat naik di Twitter, beliau tidak ketinggalan bersama penduduk tempatan melakukan ibadah korban.

“Solat sunat Hari Raya Aidiladha dan ibadah korban bersama penduduk kampung saya di Bagan Datuk,” jelasnya dalam Twitter.